

30/10/1997

Usah naikan kadar faedah

JEFFREY Sachs, seorang tokoh akademik dan ekonomi Amerika Syarikat (AS) menyatakan kadar faedah - sebagai kos pinjaman bagi bank atau syarikat - akan meningkat secara semula jadi hasil daripada penarikan semula modal asing jangka pendek.

Bagaimanapun, beliau menganggap sebarang peningkatan mengatasi paras pasaran biasa sebagai 'melampau' dan 'tidak asli' dan jika dilaksanakan hanya akan memburukkan lagi keadaan ekonomi yang diakibatkan oleh kegawatan pasaran kewangan.

Keterangan Sachs bagi pergolakan mata wang secara kebetulannya mempunyai persamaan dengan keputusan Malaysia yang dijelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Edinburgh, kerajaan tidak akan menaikkan kadar faedah meskipun berdepan dengan kelemahan mata wang.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri satu persidangan antarabangsa di Langkawi bertema Kesan Globalisasi dan Pensiwaan Terhadap Malaysia dan Asia Menjelang Tahun 2020.

Dr Mahathir mengatakan kadar faedah yang tinggi akan menarik kembali modal asing ke dalam ekonomi negara, tetapi beliau bimbang wang yang masuk itu tidak akan bertahan lama.

Berbanding kebanyakan nilai mata wang negara Asia lain yang merosot dengan ketara, Malaysia mengambil pendekatan sendirian untuk tidak menaikkan kadar faedah.

Kedua-dua Hong Kong dan Singapura menaikkan kadar faedah mereka dengan segera pada petanda pertama bagi sebarang kelemahan mata wang mereka.

Thailand, Indonesia dan Filipina menaikkan kadar faedah mereka sejak beberapa bulan lalu. Pada paras digit berganda, kadar mereka dibandingkan dengan 8.58 peratus bagi Malaysia pada kadar tawaran antara bank sebulan, semalam.

Sachs, pengarah Institut Pembangunan Antarabangsa Universiti Harvard, berkata aliran dana asing sejak beberapa tahun ini meningkatkan volum dana yang disediakan bagi pinjaman. Akibatnya ia merendahkan kos pinjaman Malaysia.

Ketika pengambilan semula modal, syarat dirizab, mudah tunai diketatkan dan Sachs berkata kadar faedah cenderung untuk meningkat, negara akan berada pada tahap pertumbuhan ekonomi perlahan apabila kos pinjaman meningkat dan ia mula menjejaskan syarikat.

Dalam keadaan ekonomi yang rapuh, beliau berkata pengetatan kredit oleh bank pusat akan membawa ekonomi kepada kemelesetan.

Apabila ditanya mengenai pandangannya terhadap ekonomi Malaysia, Sachs berkata: "Ekonomi anda mempunyai kekuatan jangka panjang. Pertumbuhan ekonomi yang pesat akan berulang kembali.

"Pelabur asing mengeluarkan dana secara besar-besaran dalam beberapa minggu ini. Ia membawa kepada keperlanaan jangka pendek (pertumbuhan ekonomi) yang jika tidak diurus dengan baik akan menyebabkan masalah jangka panjang." - Bernama

(END)